

TARIKH : 24/7/23
SURAT KHABAR : Harian Metro
MUKA SURAT : 4

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Persatuan Penghantar P-Hailing (Penghantar) Malaysia berharap pertemuan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan pihak pengendali p-hailing (PHO) minggu depan dapat menyelesaikan isu kadar upah pengambilan dan penghantaran pesanan yang pada masa ini rendah.

Presiden Penghantar Malaysia Zulhelmi Mansor berkata, pihaknya mencadangkan beberapa perkara termasuk keperluan menilai dari segi beberapa skop seperti kos pekerjaan, masa tugas, risiko pekerjaan dan juga situasi ekonomi semasa dunia dan Malaysia.

Menurutnya, pihak kerajaan juga boleh mencadangkan atau menasihatkan pihak PHO supaya menurunkan kadar komisen yang ditetapkan kepada pengusaha makanan, vendor dan merchant (peniaga) berkaitan.

"Ia bagi memastikan pengguna tidak terbeban dengan kenaikan upah penghantaran. Ini adalah kerana pengusaha makanan, vendor, merchant akan menaikkan harga makanan mengikut kepada kadar komisen yang ditetapkan oleh pihak PHO."

"Alhamdullillah, sedia maklum, kini sudah ditu-

ISU UPAH RENDAH PENGHANTAR MAKANAN

Penghantar tagih ihsan PM



PENGHANTAR cadang kerajaan menasihatkan pihak PHO supaya menurunkan kadar komisen yang ditetapkan kepada pengusaha makanan.

bukan Majlis Komuniti Gig Malaysia seperti diumumkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang mana kami juga, Penghantar adalah ahlinya.

"Majlis Komuniti Gig adalah untuk bersama pihak kerajaan memastikan apa jua acuan dan bentuk pematuhan dalam memperbaiki aspek kebajikan kita, suaranya mewakili kita semua," katanya.

Beliau berkata, cadangan

penubuhan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia (SEGIM) diumumkan Ahmad Zahid pada minggu lalu juga adalah aspirasi daripada akar umbi.

Menurutnya, SEGIM adalah satu bentuk badan kawal selia bagi pihak kerajaan mengawal selia keseluruhan rantaian eko sistem industri Gig di Malaysia termasuk sektor p-hailing dan e-hailing yang mempunyai pelbagai permasalahan isu

panjang berlarutan sehingga kini.

"Alhamdullillah, mudah-mudahan urusan kita sentiasa dipermudahkan-Nya. Kini, kepimpinan utama negara PM dan TPM sudah pun memahami permasalahan sebenar dan kami yakin akan ada tindakan selanjutnya," katanya.

Kelmanin, Perdana Menteri meminta tempoh seminggu untuk beliau bertemu dengan semua syarikat p-hailing bagi membincangkan isu berkaitan kadar upah pengambilan dan penghantaran yang dikatakan semakin rendah.

“
**Alhamdullillah,
mudah-mudahan
urusan kita
sentiasa
dipermudahkan**
Zulhelmi”

Harian Metro
24/7/23

MS 4